



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 16 JUN 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	MOA GALAK GRADUAN CEBURI PERTANIAN, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -23 NANAS BERI PULANGAN LUMAYAN, BISNES SINAR, SH -24 MENTERI KELANTAN UNTUK MALAYSIA, BULETIN DARUL NAIM, SH -11 JAGUNG SUSU BERPOTENSI GANTI TANAMAN TEMBAKAU, NASIONAL, BH -23 LOKAL, HM -11 AIR ASIA BUKA ENTITI OURFARM, HM -21 AIRASIA LANCAR OURFARM RANCAKKAN PEMASARAN HASIL PERTANIAN, BISNES, BH -46 OURFARM DIJANGKA MAMPU TINGKAT 25 PERATUS PENDAPATAN PETANI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE AIR ASIA PLANS TO OPERATE MORE FLIGHTS BY JULY, SUNBIZ, THE SUN -12 AIR ASIA LAUNCHES OURFARM E-COMMERCE PLATFORM, NATION, THE STAR -10 AIR ASIA DOMESTIC FLIGHTS EXPECTED TO FULLY RESUME IN JULY, NEWS, ORIENTAL DIALY NEWS -A7 AIR ASIA WILL INCREASE NUMBER OF FLIGHTS GRADUALLY TO MEET INTERSTATE TRAVEL DEMAND, NATION, CHINA PRESS -6 OURFARM, PLATFORM E-DAGANG B2B BAHARU AIRASIA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
14.	KBS BUKA RUANG BELIA USAHAKAN PERTANIAN NILAI TINGGI DI IKLBS, NASIONAL, BH -22	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# MOA galak graduan ceburi pertanian

Bantu usaha meremajakan industri agromakanan, atasi masalah pengangguran mahasiswa

Oleh ROSMIZA KASIM

**TUMPAT**

**K**erajaan bukan sahaja secara serius menggalakkan golongan muda terlibat dalam sektor pertanian tetapi turut mengajak graduan bersama-sama dalam usaha meremajakan industri peringkat negara itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, inisiatif dan galakan kerajaan itu juga adalah seba-



Che Abdullah bergambar bersama penerima geran dan pendutuk kurang bernasib baik di Pejabat KADA, Palekboang semalam.

katanya semalam.

Terdahulu beliau merasmikan Jelajah Agropreneur Muda Negeri Kelantan 2020 di Dewan Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Palekboang di sini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri, Abdul Azziz Kadir dan Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Pada program itu juga Che Abdullah menyempakan kit bantuan Makanan Agropreneur Muda kepada 15 penerima kurang bernasib baik yang dikenal pasti pejabat KADA.

Che Abdullah berharap menerusi peruntukan yang disediakan dapat membuka minda golongan muda termasuk lepasan siswazah bahawa sektor berkenaan menjanjikan masa depan yang cukup baik kepada mereka.

nilai RM107.65 juta melalui kelulusan geran dan Pembiayaan Khas Agropreneur Muda sejak tahun 2016.

“Daripada jumlah itu seramai 6,005 peserta menerima bantuan dalam bentuk geran berjumlah RM104.35 juta manakala 52 orang mendapat bantuan dalam bentuk pembiayaan bernilai RM3.30 juta,”

kan golongan muda berusia antara 18 hingga 40 tahun itu bertujuan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan dan agropelancongan.

“Sehingga kini kementerian telah membantu seramai 6,057 orang peserta dengan

hagian usaha bagi mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan mahasiswa.

Sehubungan itu menurutnya, bagi merealisasikan perkara itu kerajaan telah memperkenalkan Program Agropreneur Muda bermula tahun 2016 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Katanya, program melibat-

16/6/2020

SINAR  
HARIAN

SINAR NEGERI

24

Generasi muda  
digalakkan  
menceburi bidang  
penanaman nanas

Oleh NOR AZURA MD AMIN

**A**nak kelahiran Pontian, Johor ini pernah berdepan dengan kegagalan dalam perniagaan eksport nanas ke luar negara.

Namun, ia tidak pernah mematahkan semangat Sih Huay Heng, 50, untuk terus berusaha untuk memajukan perniagaannya.

Sih Huay Heng atau panggilan mesranya Ah Heng kini adalah pengusaha tanaman, pembekal, pengeksport dan usahawan produk biliran nanas yang berjaya.

Pengalaman pertama mengeksport nanas ke Iran pada 1996 banyak mengajarnya untuk menghasilkan produk terbaik untuk pasaran luar negara.

Mengimbas kembali pembabitannya dalam penanaman nanas, Huay Heng berkata, dia bermula sebagai pekebun kecil

# Nanas beri pulangan lumayan



Huay Heng menunjukkan nanas N36 di ladangnya di Simpang Renggam, Johor.

## MD2

- Banyak ditanam di Semenanjung Malaysia, terutamanya Johor
- Buahnya besar berbentuk silinder
- Beratnya boleh mencecah 1.5 hingga 3 kg sebiji
- Harganya mampu cecah RM4 per kg

di Benut, Pontian selepas menamatkan pendidikan di Sekolah Menengah (SMK) Benut.

"Saya bekerja sambil di sebuah kedai pakaian di bandar Pontian. Pada tahun 1994 saya berhenti untuk beralih ke bidang pertanian.

"Saya memilih penanaman nanas kerana melihat tanaman kontang ini mempunyai potensi yang cukup baik dalam pasaran," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Menurutnya, beliau memulakan langkah dalam penanaman nanas melalui kerjasama dengan pekebun kecil kelapa sawit di Pekan Nanas, Benut dan Ayer Baloi di Pontian.

"Pada ketika itu, nanas ditanam secara berselang-seli dengan pokok kelapa sawit yang baru ditanam.

"Sementara menunggu pokok kelapa sawit membesar, hasil nanas dapat dikutip dalam tempoh 12 bulan, sekali gus menjana pendapatan lumayan," katanya.

Pemilik Jutawan Agriculture Products Sdn Bhd itu berkata, dengan bantuan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) kemudiannya diperkenalkan dengan pengimport pertanian dari Iran yang berminat mendapatkan buah



Pekerja Huay Heng sedang memetik nanas di ladang miliknya di Simpang Renggam, Johor.



Huay Heng (kanan) memberi penerangan kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2, Datuk Che Abdullah Mat Nawi tentang buah nanas segar yang dieksport ke luar negara.

nanas dari Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, beliau terpaksa menanggung kerugian kerana buah dieksport ke negara itu rosak.

"Pada ketika itu saya eksport nanas N36 sebanyak sebanyak 22,000 tan melibatkan lima kontena.

"Sampai di Iran, buah nanas rosak sebab tidak dibungkus dan diletak bertindih-tindih di dalam kontena," katanya.

## Tambah eksport

Enggan mengalah dan berputus asa, Huay Heng terus melangkah ke depan mencari pasaran baharu di Timur Tengah seperti Mesir, Dubai dan Qatar dengan bantuan LPNM.

Kegagalan mengeksport nanas ke Iran dijadikan sebagai pengajaran dengan mempelajari kaedah pembungkusan yang betul dan garis panduan sebenar

untuk mengeksport hasil pertanian ke luar negara.

Huay Heng berkata, pada masa akan datang beliau menyasarkan untuk menambah jumlah eksport nanas ke luar negara sekurang-kurangnya lima kontena seminggu berbanding hanya tiga pada masa sekarang.

Beliau yakin sasaran tersebut mampu dicapai susulan permintaan yang tinggi terhadap buah nanas tempatan.

"Orang luar tahu nanas Malaysia adalah yang terbaik dan mereka ingin rasai kenakannya.

"Lagipun nanas kita mempunyai rasa yang istimewa berbanding nanas dari Thailand, Filipina mahupun Costa Rica," katanya.

Katanya, beliau juga berharap dapat meluaskan lagi perniagaannya dengan membina tapak pemprosesan nanas di la-

dang Aler Bukit, Pekan Nanas. Pontian untuk kerja-kerja pembungkusan sebelum dieksport ke luar negara.

"Buat masa ini kami sedang menjalankan rundingan dengan LPNM untuk mendapatkan tapak berkenaan," katanya.

## Pulangan lumayan

Huay Heng berkata, beliau berharap generasi muda dapat melibatkan diri dalam bidang penanaman nanas kerana ia bisnes yang sangat menguntungkan.

"Pertanian adalah perniagaan. Jika diusahakan dengan penuh kerajinan pasti bawa pulangan. Ramai yang sudah membuktikannya.

"Nanas MD2 sahaja harganya sudah mencecah RM4 sekilogram. Jika satu ekar tanah diusahakan dengan tanaman nanas, anggaran 16,000 pokok boleh ditanam dengan purata hasil tuaian mampu mencapai sekitar RM30,000," katanya.

Namun, katanya, golongan muda yang berminat menceburi diri dalam bidang penanaman nanas dinasihatkan supaya tidak mengambil jalan singkat dengan membeli benih yang murah.

"Beli benih nanas yang diiktiraf Jabatan Pertanian dan LPNM kerana kualiti buah nanas akan menentukan harganya," katanya.

Selain mengeksport nanas, Huay Heng juga bertindak sebagai pembekal benih nanas berdaftar dan mengeluarkan produk lain seperti kopi, sos, jern, jus dan cip nanas.



# Menteri Kelantan untuk Malaysia

**K**unjungan hormat dan lawatan kerja menteri-menteri dan timbalan menteri anak jati Kelantan ke jabatan-jabatan kerajaan dan menjenguk rakyat membuktikan khidmat mereka tidak berbelah bahagi.

Peranan dan tanggungjawab diperkukuhkan melalui jalinan serta usaha sama dengan pihak-pihak lain demi kemaslahatan rakyat Malaysia seluruhnya.



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdulah Mat Nawi melakukan kunjungan hormat ke Pejabat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, bagi membincangkan kerjasama yang boleh dilakukan antara Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk menggaitakan graduan berkecimpung dalam bidang pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	23

# Jagung susu berpotensi ganti tanaman tembakau

Projek percubaan di tanah seluas 24 hektar jadi perintis di Kelantan

**Kota Bharu:** Jagung susu yang terkenal di Cameron Highlands kerana rasanya yang manis dan berlemak berpotensi mengambil alih tanaman tembakau sebagai antara tanaman kontan utama di Kelantan selepas kawasan seluas 24 hektar di Kampung Keladang di sini diperuntukkan untuk tanaman itu.

Projek yang mendapat kerjasama penuh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu kini pada peringkat percubaan, membabitkan kawasan seluas 0.8 hektar dan dijangka mengeluarkan hasil pertama pada pertengahan bulan depan.

Ketua projek, Mohd Zaid Hanapi, berkata kawasan itu dipilih kerana tanahnya sesuai untuk tanaman berkenaan selain berham-

piran Sungai Kelantan, sekali gus memudahkan pengairan.

"Untuk kawasan seluas 0.4 hektar, kita boleh tanam sehingga 20,000 pokok jagung dan peserta mampu memperoleh lebih RM10,000 setiap musim penanaman yang mengambil masa dua bulan.

"Apabila berjaya dalam projek percubaan ini, tanaman akan diperluas membabitkan kira-kira 60 ekar (24 hektar) tanah rizab sungai yang diluluskan oleh kerajaan negeri untuk menjalankan projek berskala besar membabitkan lebih 60 peserta," katanya.

Mohd Zaid berkata, peserta tidak perlu mengeluarkan modal sebaliknya sebuah syarikat akan membantu membekalkan benih, baja dan racun serta urusan pembajakan tanah.

"Peserta hanya akan menjaga tanaman ini dan hasilnya akan dibeli oleh syarikat itu dan peserta akan dikembalikan dalam bentuk keuntungan," katanya.

Beliau berkata, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdulah Mat Nawi sendiri datang dan mem-

berikan benih dari Taiwan itu kepada peserta dan menggalakkan penduduk kampung menanam jagung berkenaan yang mampu memberikan pulangan lebih lumayan berbanding tembakau.

Seorang peserta, Rozana Ghazali, 49, berkata tanaman percubaan yang diusahakannya mula menampakkan hasil dan yakin

akari mendapat sambutan daripada penduduk kampung yang rata-ratanya petani.


"Kami pun sangat teruja untuk melihat hasil percubaan kerana ia mampu mengubah kehidupan penduduk yang rata-ratanya petani yang sangat terkesan dengan kehidupan ketika isu COVID-19 ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Janas Agro Adn Bhd, Mohd Rahimie Ibrahim, berkata syarikatnya terpanggil untuk membantu penduduk kampung apabila melihat kesempatan hidup mereka ketika COVID-19 ini.

Katanya, beliau menerima kerjasama baik daripada semua pihak termasuk pembekal benih jagung itu dari Taiwan dan berharap penduduk terutama petani dapat menyahut cabaran untuk menanam jagung berkenaan.

"Buat permulaan syarikat kami akan membantu segala-galanya termasuk membeli hasil jagung itu dan mengembalikan keuntungan kepada peserta. Tanaman jagung ini boleh dituai sebanyak empat kali bagi setiap musim penanaman di Kelantan," katanya.

BERNAMA

 **Peserta tidak perlu mengeluarkan modal sebaliknya sebuah syarikat akan membantu membekalkan benih, baja dan racun serta urusan pembajakan tanah.**

**Mohd Zaid Hanapi,**  
Ketua projek tanaman jagung

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2020	HARIAN METRO	LOKAL	11



**PEPERTA Projek Tanaman Jagung Manis Berkelompok, Khadijah Saad, 70, menunjukkan putik jagung yang berusia 40 hari di tanah tanaman jagung manisnya di Kampung Keladang, Kota Bharu. Projek mendapat kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu kini dalam proses penanaman di peringkat percubaan apabila lebih 0.8 hektar ditanam dengan tanaman berkenaan.**

16/6/2020

HARIAN METRO

21



DR Ronald (tanan) melihat sayur ketika mengadakan lawatan selepas Majlis Pelancaran Ourfarm di Jabatan Pertanian Serdang.

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

### Seri Kemungkinan

**K**umpulan AirAsia menceburi rantaian perniagaan baharu berasaskan pertanian dengan memperkenalkan platform e-dagang, Ourfarm yang menggabungkan petani terus kepada pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Tony Fernandes berkata, Ourfarm ditubuhkan dengan kerjasama strategik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) dan menyokong lebih 1,000 petani kontrak kerajaan serta pemilik ladang swasta.

Katanya, platform itu langkah pertama kumpulan meningkatkan pendan-

# AirAsia buka entiti Ourfarm

## Platform baharu pertanian hapuskan kos orang tengah

patan petani dengan menghapuskan kos orang tengah dan menyediakan sokongan logistik.

"Dengan platform baharu ini kami yakin ia membantu banyak perniagaan kecil dengan mengurangkan kos perolehan hasil segar hingga 25 peratus apabila mereka boleh berhubung terus dengan pengeluar pertanian. "Kami belajar daripada

mengembangkannya ke seluruh rantau ini.

"Kami juga memanfaatkan ekosistem AirAsia yang merangkumi kemampuan kargo, logistik dan pambayaran dengan pangkalan data perniagaan dan pengalangan sedia ada," katanya selepas pelancaran Ourfarm di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Khande dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Kamarudin Meranun,

pengalaman menjalankan perniagaan katering dalam penerbangan dan Kafe Santan yang baru dilancarkan apabila kami juga menghadapi cabaran harga tinggi untuk bahan segar. "Sebagai permulaan, Ourfarm meliputi kawasan Lembah Klang dan diperluas ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak secara berperingkat serta

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2020	BERITA HARIAN	BISNES	46

## AirAsia lancar OURFARM rancakkan pemasaran hasil pertanian

Kumpulan AirAsia melancarkan platform e-dagang perniagaan-ke-perniagaan (B2B) dikenali OURFARM yang bakal merevolusikan rantaian perniagaan berasaskan pertanian, dengan menghubungkan petani terus kepada perniagaan berkaitan.

Cabang perniagaan baharu kumpulan penerbangan tambang murah itu dijangka dapat meningkatkan pendapatan petani, penternak, nelayan dan peladang di negara ini dengan memasarkan secara terus produk mereka kepada pelanggan menerusi platform digital pada kos yang lebih rendah.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes, berkata OURFARM adalah langkah pertama kumpulan itu untuk meningkatkan pendapatan petani dengan menghapuskan kos orang tengah dan menyediakan sokongan logistik.

Beliau berkata, OURFARM ditubuhkan dengan kerjasama strategik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan akan menyokong lebih 1,000 petani kontrak kerajaan serta pemilik ladang swasta.

Katanya, OURFARM akan memanfaatkan ekosistem AirAsia yang merangkumi kemampuan kargo, logistik dan pembayaran dengan pangkalan data perniagaan dan penggunaannya.

Jelasnya, platform e-dagang itu juga tidak mengenakan sebarang kos untuk mendaftar dan menawarkan peluang kepada petani, penternak, nelayan dan peladang untuk menerima latihan dalam mendigitalkan perniagaan mereka dengan kursus e-dagang dari RedBeat Academy.

"Platform baharu ini akan membantu banyak perniagaan kecil dengan mengurangkan kos perolehan hasil segar hingga 25 peratus kerana mereka boleh berhubung terus dengan pengeluar pertanian.

"Sebagai permulaan, OURFARM meliputi kawasan Lembah Klang dan ia akan diperluaskan ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak secara berperingkat serta mengembangkannya ke seluruh rantau ini," katanya pada sidang media sempena pelancaran platform itu di Serdang, semalam.

Platform itu dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang. Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Kamarudin Meranun.

Fernandes berkata, pihaknya sudah belajar daripada pengalaman menjalankan perniagaan catering dalam penerbangan dan Kafe Santan yang baharu dilancarkan, yang juga menghadapi cabaran harga tinggi untuk bahan segar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Ourfarm dijangka mampu tingkat 25 peratus pendapatan petani



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (kanan) memberi penerangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes (kiri) dan Pengerusi Airasia, Datuk Kamarudin Meranun (dua kanan) ketika melawat ladang selepas Pelancaran OURFARM di Jabatan Pertanian Serdang, Selangor. foto FAREEZ FADZIL, 15 JUN 2020.

SERDANG – Platform e-dagang perniagaan-ke-perniagaan milik AirAsia, Ourfarm dijangka mampu meningkatkan pendapatan petani tempatan sehingga 25 peratus menjelang pertengahan tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes berkata, pihaknya optimis mencapai sasaran itu susulan platform baharu itu mampu mengurangkan kebergantungan petani kepada orang tengah.

"Saya banyak kali kata kepada pasukan saya, sekurang-kurangnya kita mesti mencapai 25 peratus margin keuntungan kepada para petani.

"Sekiranya tidak, apa gunanya Ourfarm, kita mesti bantu para petani.

"Seperti mana ketika mula dalam industri penerbangan, kita kata semua orang boleh terbang, kita bekerja keras dan sekarang semua orang benar-benar boleh terbang," katanya pada sidang media pada Majlis Pelancaran Ourfarm di Jabatan Pertanian Serdang hari ini.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia Datuk Kamarudin Meranun dan Ketua Pegawai Eksekutif Ourfarm, Lalitha Sinanaser.

Platform Ourfarm bakal merevolusikan rantaian perniagaan berasaskan pertanian, dengan menghubungkan para petani terus kepada perniagaan berkaitan.

Usaha dijangka dapat meningkatkan pendapatan mereka dengan menghapuskan kos orang tengah dan menyediakan sokongan logistik untuk memenuhi pesanan mereka secara langsung kepada perniagaan.

Ourfarm memanfaatkan ekosistem AirAsia yang merangkumi kemampuan kargo, logistik dan pembayaran dengan pangkalan data perniagaan dan penggunaannya.

Platform itu juga tidak mengenakan sebarang kos untuk mendaftar, dan menawarkan peluang kepada para petani untuk menerima latihan dalam mendigitalkan perniagaan mereka dengan kursus e-dagang dari RedBeat Academy.

Tony juga berkata, Ourfarm ditubuhkan dengan kerjasama strategik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta menyokong lebih daripada 1,000 orang petani kontrak kerajaan serta pemilik ladang swasta.

"Kami telah belajar daripada pengalaman menjalankan perniagaan katering dalam penerbangan dan Kafe Santan yang baru dilancarkan di mana kami juga menghadapi cabaran harga tinggi untuk bahan-bahan segar.

"Lebih penting lagi, Ourfarm akan membantu meningkatkan margin keuntungan pengeluar pertanian dengan menghapuskan kos orang tengah.

"Platform ini menyediakan sistem pengurusan rantaian bekalan yang lebih cekap yang menyokong agenda keselamatan makanan negara," katanya.

Memandangkan Asean dikenali dengan sektor pertanian paling produktif di dunia, Ourfarm merancang untuk mengembangkan platform itu bagi menyokong sektor pertanian di rantau ini dalam jangka panjang.

"Kerjasama strategik antara MOA dan Ourfarm ini akan mewujudkan ekosistem baharu yang dapat membantu perniagaan berasaskan pertanian berkembang dengan lebih luas, sambil memberi pengguna nilai yang lebih baik untuk mereka.

Sementara itu, Lalitha pula berkata, para petani yang ingin bersama pihaknya perlu mempunyai produk pertanian yang ingin dipasarkan sekurang-kurangnya 50 kilogram.

"Mana-mana pihak yang ingin beli sayur dalam skala besar 50 kg dan ke atas, mereka boleh datang kepada kita.

"Setakat ini kita mempunyai 340 petani menunjukkan minat untuk memasarkan produk tani dan 45 petani pula sudah bersama kami.

"Untuk fasa pertama, mereka mensasarkan pasaran Lembah Klang untuk menjual hasil tani mereka, sebelum ke kawasan lain," katanya.

Jelas Lalitha, Ourfarm bukan sahaja menjadi platform e-dagang kepada petani bahkan mereka turut menyediakan pengangkutan dan logistik dengan kerjasama TheLorry.com.

"Ourfarm bersedia dengan 7,000 lori di seluruh Malaysia yang boleh digerakkan dalam masa 60 minit untuk mengambil dan menghantar terus produk tersebut kepada pembeli.

"Ia memastikan kesegaran, sekaligus mengawal kos bagi para petani dalam platform kami.

"Saya percaya teknologi dan platform Ourfarm mampu meningkatkan pendapatan mereka sebagaimana yang berlaku di Jepun dan China," katanya lagi. – MalaysiaGazette

16/6/2020

THE SUN

SUNBIZ

12

Kiandee (third from right) and AirAsia Group executive chairman Datuk Kamarudin Meranun launching OURFARM, witnessed by, from right, RedBeat Ventures, AirAsia Group, president Aireen Omar; Agriculture and Food Industries Ministry deputy secretary general (development) Dr Anis Mahmud; Fernandes; and OURFARM CEO Lalitha Sivanaser.



## AirAsia plans to operate more flights by July

**SERDANG:** AirAsia Group Bhd, which is currently running at full seat capacity, plans to operate more flights by July.

Group chief executive officer Tan Sri Tony Fernandes said demand for air travel has increased following the implementation of the Recovery Movement Control Order, which allows interstate travel.

"As for the frequency, that will depend on demand. People want to fly, they want to go home, they want to resume businesses.

"At the moment, it's within Malaysia, but we

would like to believe that we would be opening (flights) to other countries soon," he told a press conference here yesterday.

Earlier, Fernandes launched AirAsia's business-to-business (B2B) e-commerce platform, OURFARM, together with Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

OURFARM is established as a strategic partnership with the ministry, in line with the government's National E-commerce Roadmap agenda to future-proof existing businesses and

to expand local market access. It will support over 1,000 government contract farmers as well as owners of private farms.

The platform leverages AirAsia's robust all-encompassing ecosystem, which includes cargo, logistics and payment capabilities along with its significant database of businesses and consumers.

The platform also offers farmers, at zero onboarding cost, a chance to receive training on digitalising their business with e-commerce courses from RedBeat Academy. - Bernama

# AirAsia launches Ourfarm e-commerce platform

By SIRA HABIBU  
sira@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** AirAsia has initiated Ourfarm, an e-commerce platform to help connect farmers directly with businesses, eliminate the middleman and boost their earning power.

The e-platform was launched by Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khande, AirAsia Group executive chairman Datuk Kamarudin Meranun and AirAsia Group chief

executive officer Tan Sri Tony Fernandes at the Serdang Agriculture Department yesterday.

Set up as a strategic partnership with the ministry, it supports over 1,000 government contract farmers as well as owners of private farms.

Kamarudin called the platform a "disruptor" that would help many small businesses reduce the cost of fresh produce procurement by up to 25% by sourcing directly from the agriculture producers.

"Ourfarm will help increase the profit margin of agriculture pro-

ducers by eliminating the middleman cost. This platform provides a more efficient supply chain management system which supports the food security agenda of the nation," he said.

AirAsia Group, he said, planned to expand the platform to support farmers in the Asean region.

"We have learnt from the experience of running our in-flight meal catering and our Santan Cafe, where we also faced challenges of high prices for fresh produce," he said.

Lauding AirAsia Group, Khande

said the partnership would create a new ecosystem that could help agribusinesses expand.

"The ministry has been proactive in engaging industry players, especially in helping to match businesses to e-commerce platforms on both the business-to-consumer (B2C) and business-to-business (B2B) fronts," he said in his opening speech.

Leveraging on AirAsia's ecosystem, including cargo, logistics and payment capabilities, and its database of businesses and consumers, Ourfarm boasts a network of 7,000

lorries and pickup trucks that can be mobilised within 60 minutes to perform pickup and delivery.

Ourfarm co-founders Radzi Tajuddin and Nadhir Ashafiq said such a disruption was timely, adding that farmers, breeders and fishermen shared only a small pie in the food supply ecosystem.

"This ensures the freshness of the product while at the same time providing cost savings to our farmers," said Radzi.

For now, Ourfarm operates only in the Klang Valley.

Headline	AirAsia domestic flights expected to fully resume in July		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	16 Jun 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A7	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	234 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,104
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,312



## 亚航国内航线料7月全面恢复

沙登15日讯 | 亚航集团首席执行官丹斯里东尼费南德斯表示，该公司的国内航线，预料在7月全面恢复。

他说，根据政府的宣布和指南，亚航在航班上，不强制性保持社交距离，不过航班的次数将取决于客户需求。

他预计，在政府放宽管制，人们对航班的需求增加。「人们想飞，要回家，要恢复生意。我们会在7月预计恢复全部国内航班。我们也希望不久的将来也开放国外航班。」

他说，新冠肺炎疫情，让亚航面对18年来最严峻的考验，该公司连续3个月完全没有任何收入。

东尼今日推介OURFARM电子商务平台后，在记者会上，

如是表示。

亚航集团成立全新企业对企业 (B2B) 电子商务平台OURFARM，让农民直接向企业销售他们的农产品，增加农民的收入。

OURFARM是与农业和食品工业部共同合作推广的电子商务平台，并协助超过1000家与政府签约的农民及私有农场。

OURFARM充分利用了亚航的生态系统，包括货运、物流和付款功能，以及重要的企业和消费者数据库。

东尼表示，OURFARM可帮助许多小型企业直接通过平台采购新鲜农产品，从中将成本降低多达25%。

他说，亚航也有潜质发展货运业务，预计在未来3至4个



罗南建迪在 (右起) 在亚航集团执行主席拿督卡玛鲁丁和东尼费南德斯陪同下，巡视菜园的农作物成长情况。

月协助农民拓展业务至外国。

此外，农业与食品工业部长拿督斯里罗南建迪说，当亚航集团与农业部联系时，该部正处于应对新冠肺炎病毒大流行对农业部造成的毁灭性影响的过程中。

「在行管令实现的最初阶

段，由于出口和物流限制，许多农民和渔民面临着产品销售问题。大量新鲜农业食品供应过剩，迫使农民丢弃。」

他表示，为了解决这个问题，该部制定了几种策略，以增加销售数量，确保农产品进入最终消费者手中。

Headline	AirAsia will increase number of flights gradually to meet interstate travel demand		
MediaTitle	China Press		
Date	16 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	222 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,379
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,137



(沙登15日讯)亚航集团总执行长丹斯里东尼费南德斯披露,亚航预计下个月增加更多国内航班,以应付政府允许跨州后,逐渐增加的国内航班需求。

他说,至于增加多少趟航班则需视乘客需求。

“很多人因工作或回乡需要搭乘航班,航班需求肯定会增加,但增加多少就看整体需求。目前只有国内航班,但相信不久的将来,国际航班也会恢复。”

东尼费南德斯今日在电商平台“OURFARM”推介礼后,在记者会上这么指出。

### 助农民拓展商機

出席者有农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪、副秘书长(发展)阿尼斯、副秘书长(政策)拿督哈兹丽娜、亚航集团执行主席拿督卡玛鲁丁,以及亚航集团(RedBeat风投)总裁艾琳奥玛。

另外,亚航与农业部合

## 應付跨州需求 亞航逐步增航班

作,正式推出一个全新电商平台“OURFARM”,协助菜农将产品放上电子平台售卖拓展商机。

罗南建迪致词时指出,当行动管制令实行初期,

许多菜农和果农因为物流运输和禁止跨州等限制,未能将农产品销售至更多地方,导致蔬菜水果产量过剩。

他说,因为供过于求及

没有销售途径受限的关系,一些菜农被迫销毁一些蔬菜和水果。

“看到农民被迫销毁辛苦耕种的农作物是很可惜的,所以我们希望提供一个更大的商业平台,给这些菜农和果农售卖他们的产品,而亚航就有物流运输等方面的资源,透过与亚航合作,农民们可将农产品卖给更多人。”



■罗南建迪(左起)在卡玛鲁丁、东尼费南德斯的陪同下巡视参与农场。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## OURFARM, platform e-dagang B2B baharu AirAsia



RASMI: Dr Ronald (tengah) dan Kamarudin melancarkan OURFARM sambil disaksikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MOA Dr Anis Mahmud, Tony, Ketua Pegawai Eksekutif OURFARM Lalitha Sivanaser dan Presiden RedBeat Ventures, AirAsia Group Aireen Omar.

KUCHING: AirAsia telah melancarkan platform e-dagang perniagaan-ke-perniagaan (B2B) baharu, OURFARM dalam usaha merevolusikan rantaian per-niagaan berasaskan pertanian, dengan menghubungkan para petani terus kepada perniagaan berkaitan.

Usaha itu kata Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia Datuk Kamarudin Meranun, dijangka dapat meningkatkan pendapatan serta menghapuskan kos orang tengah dan menyediakan sokongan logistik untuk memenuhi pesanan mereka secara langsung kepada perniagaan.

"OURFARM memanfaatkan ekosistem AirAsia yang merangkumi kemampuan kargo, logistik dan pembayaran dengan pangkalan data perniagaan dan penggunaannya," kata beliau menerusi kenyataannya semalam.

Platform itu juga tidak mengenakan sebarang kos untuk mendaftar dan menawarkan peluang kepada para petani untuk menerima latihan dalam mendigitalkan perniagaan mereka dengan kursus e-dagang daripada RedBeat Academy.

Ia selari dengan agenda Hala Tuju e-Dagang Kebangsaan kerajaan untuk memacu industri perniagaan pada masa depan dan mengembangkan akses pasaran tempatan.

Platform berkenaan telah dilancarkan semalam oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MOA) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Kamarudin dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia Tan Sri Tony Fernandes.

OURFARM tegasnya, ditubuhkan dengan kerjasama strategik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan akan menyokong lebih daripada 1,000 petani kontrak kerajaan serta pemilik ladang swasta.

Tambah beliau, inovasi digital adalah salah satu tonggak utama AirAsia dan kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kerana menyedari nilai OURFARM.

Platform baharu itu akan membantu banyak perniagaan kecil dengan mengurangkan kos perolehan hasil segar hingga 25 peratus kerana mereka boleh berhubung terus dengan pengeluar pertanian.

"Kami telah belajar daripada pengalaman menjalankan perniagaan catering dalam penerbangan dan Kafe Santan yang baharu dilancarkan di mana kami juga menghadapi cabaran harga tinggi untuk bahan-bahan segar.

"Lebih penting lagi, OURFARM akan memban-tu meningkatkan margin ke-untungan pengeluar perta-nian dengan menghapuskan kos orang tengah.

"Platform ini menyediakan sistem pengurusan rantaian bekalan yang lebih cekap yang menyokong agenda ke-selamatan makanan negara," tambahnya kemudian.

ASEAN ujarnya, dikenali dengan sektor pertanian paling produktif di dunia dan selaras dengan itu pihaknya telah membuat perancangan untuk mengembangkan platform berkenaan bagi menyokong sektor pertanian di rantau ini bagi tempoh jangka panjang.

Sementara itu, Dr Ronald dalam ucapannya berkata kementeriannya secara proaktif berhubung dengan pemain industri, terutama dalam membantu memadamkan perniagaan dengan platform e-dagang sama ada perniagaan-ke-pengguna (B2C) atau perniagaan-ke-perniagaan (B2B).

Kerjasama strategik antara MOA dan OURFARM itu katanya, akan mewujudkan ekosistem baharu yang dapat membantu perniagaan berasaskan pertanian berkembang dengan lebih luas, sambil memberi pengguna nilai yang lebih baik untuk mereka.

"Kami memuji Kumpulan AirAsia kerana memperkenalkan jenama dan platform baharu seperti OURFARM dan berharap ia dapat menyumbang ke arah ketersediaan, keboleh-capaian, kemampuan dan kestabilan sektor berasaskan pertanian di Malaysia," jelasnya.

Selain itu, penyelesaian jarak jauh OURFARM akan dikuasakan oleh Teleport, cabang logistik Kumpulan AirAsia dan TheLorry.com.

Pengasas Bersama OURFARM Radzi Tajuddin dan Nadhir Ashafiq pula berkata model baharu sedemikian amat diperlukan mengambil kira selepas 60 tahun petani, penternak, peladang dan nelayan secara amnya mendapat bahagian yang sedikit daripada keseluruhan rantaian pengeluaran makanan.

"Mengikut kajian yang dibuat oleh Suruhanjaya Anti Persaingan (MyCC), golongan ini hanya mendapat sekitar RM1.50 sehingga RM2 bagi setiap RM10 harga produk.

"Komponen terpenting bagi kejayaan platform sebegini terletak pada teknologi, data dan logistik. OURFARM mempunyai ketiga-tiganya," ujarnya.

Untuk mendaftar, perniagaan yang berminat boleh melayari laman web OURFARM di [www.ourfarm.asia](http://www.ourfarm.asia).



16/6/2020

BERITA  
HARIAN

NASIONAL

22

# KBS buka ruang belia usahakan pertanian nilai tinggi di IKLBS

**Kuala Lumpur:** Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bercadang membuka ruang yang lebih luas bagi belia mengusahakan pertanian nilai tinggi di Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (IKLBS) terpilih, yang akan membolehkan belia yang terkesan akibat COVID-19.

Menterinya, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, berkata KBS juga bersedia membantu belia menggemakan kemudahan hab pemprosesan makanan zon utara di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Naka, Kedah.

"Usaha itu adalah satu daripada inisiatif KBS dalam kolaborasi rentas kementerian yang akan memberi manfaat kepada lebih 10

juta belia iaitu 68 peratus daripada tenaga kerja yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

"Sebelum ini, KBS berkinjung ke Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MUDA) serta Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan tengah hari tadi (semalam), siri kolaborasi rentas kementerian diperluaskan dengan kunjungan ke Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membangkitkan aspirasi belia serta sinergi melalui kerjasama strategik KBS - MAFI," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata perbincangan dengan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang itu menjurus kepada inisiatif yang mengakar kepada minat dan kehendak belia serta adaptasi teknologi baharu yang boleh dimainkan belia secara keseluruhan termasuk rantaian ekonomi yang berkaitan sektor pertanian dan industri makanan.

"Program sedia ada seperti Agropreneur Muda adalah *hot-selling product* dalam kalangan belia akan diberi nafas baharu dengan pembabitian KBS secara aktif.

Pertanian masa hadapan adalah berteraskan kepada teknologi dan kami secara kolektif bersejua ba-

Usaha itu adalah satu daripada inisiatif KBS dalam kolaborasi rentas kementerian yang akan memberi manfaat kepada lebih 10 juta belia.

Reezal Merican Naina Merican,  
Menteri Belia dan Sukan



hawa ini adalah langkah ke hadapan yang perlu kita gandingkan bersama.

"Selain itu, KBS dan MAFI sedang memperhalusi beberapa program *quick win* bersama pada peringkat pegawai dan akan di-

umumkan untuk manfaat belia tidak lama lagi iaitu program ini termasuk diumumkan dalam PENJANA yang akan dipakejkan dengan lebih *fashionable* untuk memaksimumkan pembabitian belia," katanya. BERNAMA